



KENYATAAN MEDIA

8 Ogos 2016

MAJLIS MENANDATANGANI SURAT NIAT ANTARA UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS DAN UNIVERSITY OF APPLIED SCIENCE REGENSBURG, JERMAN DAN NORTHERN TECHNISCHE CONSULTING

Kangar : Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) hari ini menerima kunjungan rasmi dari Northern Technische Consulting Sdn. Bhd. (NTC) dan University of Applied Science Regensburg, Jerman (OTH Regensburg) yang antara lainnya bertujuan berkongsi pengalaman dan maklumat terkini antara ketiga-tiga pihak. Delegasi tertinggi dari OTH Regensburg diketuai oleh Presidennya iaitu Prof. Dr Wolfgang Baier dan pengurusan tertinggi universiti Jerman tersebut.

Selain itu, ia juga merupakan platform terbaik dalam mengukuhkan lagi rangkaian kerjasama antarabangsa dan industri UniMAP yang dapat memberikan manfaat besar buat UniMAP sebagai sebuah Universiti Awam kerana NTC sebagai pemain industri serta OTH Regensburg sebagai universiti antarabangsa tersohor, akan melonjakkan lagi kejayaan universiti, ujar Naib Canselor UniMAP, Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal.

Menurut beliau, kerjasama yang merangkumi bidang penyelidikan, akademik dan jalinan antarabangsa dan industri itu juga turut disasarkan mampu mengukuhkan kedudukan UniMAP umumnya dan Pusat Pengajian Mikroelektronik serta Pusat Latihan Penyelidikan dan Pengajian Berterusan (RETRACE) yang berpusat di Anjung UniMAP, Kulim khususnya sebagai sebuah institusi yang membudayakan pendidikan dan penyelidikan sepanjang hayat.

Ujar beliau, kerjasama ini pastinya sesuatu yang menguntungkan memandangkan NTC bakal memulakan operasinya di Kulim Hi Tech Park tidak lama lagi manakala OTH Regensburg merupakan sebuah universiti yang sangat terkemuka beroperasi di Jerman.

Press Release/Unit Media UniMAP/2016

“Antara potensi yang dilihat mampu dikembangkan ialah dalam bidang mikroelektronik yang merupakan teras utama UniMAP semenjak awal penubuhan universiti ini lagi. Delegasi NTC dan OTH Regensburg juga dibawa melawat beberapa buah makmal di PPK Mikroelektronik dan Pusat Kejuruteraan seperti *Microelectronic Cleanroom, Photonics/LED/SSI Lab, Micro/Nanosystem Labs dan 1.0MW Solar Project*.

Selari dengan lawatan tersebut juga, turut diadakan ialah satu majlis ringkas menandatangani Surat Niat (LOI). Pada majlis tersebut, UniMAP diwakili oleh Naib Canselornya sendiri, NTC diwakili oleh Pengarah Urusannya, Daniel GohEng Ann (Managing Director) manakala Presiden OTH Regensburg, Prof. Dr. Wolfgang Baier menandatangani bagi pihak OTH Regensburg.

Dikeluarkan Oleh Unit Perhubungan Media UniMAP bagi pihak RETRACE:

Suhana Abdul Mutalib

suhanamutalib@unimap.edu.my

(04-9798038)